
Keberkesanan Pengurusan Aset Dalam Kalangan Warga Kolej Komuniti Pasir Gudang

Faizah Binti Aboo Bakar¹, Irma Binti Maaman², Noor Raihan Binti Abu Bakar³

¹Unit Pengurusan Aset Dan Fasiliti, Kolej Komuniti Pasir Gudang, Pasir Gudang, Johor, Malaysia

E-mail: faizah@kkpg.edu.my¹

^{2,3} Unit Pengurusan Aset Dan Fasiliti, Kolej Komuniti Pasir Gudang, Pasir Gudang, Johor, Malaysia

E-mail: irma@kkpg.edu.my², nooraihan@kkpg.edu.my³

Abstrak

Pengurusan aset alih kerajaan merupakan aspek penting dalam memastikan tadbir urus organisasi dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Kolej Komuniti Pasir Gudang (KKPG) melaksanakan pengurusan aset selaras dengan pekeliling yang ditetapkan, namun masih berdepan isu kekangan sumber manusia khususnya ketiadaan juruteknik serta pelupusan aset yang tertangguh apabila aset usang disimpan melebihi tempoh sewajarnya akibat kelewatan penyelenggaraan dan penilaian. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap keberkesanan pengurusan aset dalam kalangan warga KKPG berdasarkan lima faktor utama iaitu pengetahuan dan kepatuhan staf, keberkesanan sistem dan maklumat aset, pelaksanaan pengurusan dan pemantauan aset, sokongan pengurusan serta kepuasan staf. Kajian ini melibatkan 41 orang responden yang dipilih secara rawak mudah, dengan data dikumpulkan melalui soal selidik Skala Likert lima mata dan dianalisis menggunakan SPSS versi 26.0 secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan aset di KKPG berada pada tahap memuaskan dan dilaksanakan secara sistematik, dengan pengetahuan dan kepatuhan staf serta sokongan pengurusan dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada keberkesanan tersebut walaupun berhadapan dengan isu-isu yang lain. Secara keseluruhannya, pengurusan aset di KKPG berada pada tahap baik dan berpotensi untuk terus diperkukuhkan melalui penambahbaikan berterusan, khususnya dalam aspek sumber manusia dan kecekapan pelupusan aset.

Kata Kunci : *Pengurusan Aset, Keberkesanan Pengurusan Aset, Kolej Komuniti*

Abstract

The management of government movable assets is a crucial component in ensuring that organizational governance is implemented efficiently and effectively. Kolej Komuniti Pasir Gudang manages its assets in accordance with the prescribed government circulars; however, several challenges remain, particularly in terms of human resource constraints, such as the absence of technical personnel, as well as delays in asset disposal where obsolete assets are retained beyond the appropriate period due to delayed maintenance and evaluation processes. Therefore, this study was conducted to assess the effectiveness of asset management among the staff of Kolej Komuniti Pasir Gudang based on five key factors, namely staff knowledge and compliance, the effectiveness of asset systems and information, the implementation of asset management and monitoring, management support, and staff satisfaction. This study involved 41 respondents selected through simple random sampling. Data were collected using a five-point Likert scale questionnaire and analyzed descriptively using SPSS version 26.0. The findings reveal that asset management practices at Kolej Komuniti Pasir Gudang are at a satisfactory level and are implemented systematically. Staff knowledge and compliance, together with management support, were identified as the primary factors contributing to the effectiveness of asset management despite the existence of several related challenges. In conclusion, asset management at Kolej Komuniti Pasir Gudang is at a good level and demonstrates strong potential for further enhancement through continuous improvement efforts, particularly in the areas of human resource capacity and the efficiency of asset disposal processes.

Keywords : *Asset Management, Effectiveness of Asset Management, Community College*